

## **Kesan Rasuah terhadap Negara: Kajian Rintis daripada perspektif Mahasiswa UTHM**

**Cyril Cristianson Hildi<sup>1</sup>, Cornelius Blaun anak Daniel<sup>1</sup>, Muhammad Aqil Danish Mohd Suffian<sup>1</sup>, Isyraf Haziq Md Parid<sup>1</sup>, Muhammad Hanif Irfan Haszreiman<sup>1</sup>**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Cawangan Pagoh, Jalan Panchor, Johor, 86400, MALAYSIA

\* [an220113@siswa.uthm.edu.my](mailto:an220113@siswa.uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.008>

Received 10 October 2022; Accepted 7 December 2022; Available online 10 July 2023

**Abstrak:** Tajuk kajian ni ialah mengkaji kesan rasuah terhadap negara : Kajian Kes Mahasiswa UTHM. Seperti mana yang kita tahu, masalah rasuah sering berlaku dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia dan memberi impak yang negatif kepada negara terutamanya ekonomi. Rasuah ini terjadi apabila suatu individu ataupun organisasi melakukan tindakan tidak jujur atau penipuan. Rasuah menawarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai dengan tujuan untuk mendorong seseorang untuk bertindak atau memberi penghargaan kepada seseorang kerana telah bertindak. Antara kesan rasuah ini dapat menyebabkan suatu pemimpin ataupun organisasi tidak dapat dipercayai tambahan pula dapat menyebabkan ekonomi negara menjadi semakin tidak stabil yang akan menyebabkan suatu pemimpin atau organisasi dalam negara itu menjadi muflis. Namun begitu, dengan sifat bertanggungjawab suatu badan dalam negara dan semangat perpaduan yang tinggi dapat membantu dalam menangani isu rasuah sehingga ke peratusan yang terendah mahupun menjadi sifar. Dengan itu, bagi menangani masalah rasuah ini berlaku dengan menganalisis langkah-langkah untuk mengatasi masalah rasuah yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia mereka. Kaedah soal selidik yang digunakan adalah kuantitatif dengan cara membuat borang selidik menerusi platform 'Google Form'. Borang soal selidik ini telah digunakan bagi mendapatkan pandangan dan persepsi masyarakat awam dalam mengenal pasti faktor yang menyebabkan masalah rasuah ini terjadi dan kesan yang berlaku dalam negara akibat daripada masalah rasuah. Borang soal selidik ini telah disebarkan kepada pelajar-pelajar di UTHM bagi mendapatkan pandangan yang lebih jelas berkaitan masalah rasuah dalam kalangan masyarakat dan tahap kefahaman isu semasa tentang masalah rasuah di negara ini. Di samping itu, kaedah pembacaan artikel, sedutan berita dan mengambil isi dalam perbincangan ilmiah juga merupakan satu kaedah yang telah dijalankan bagi faktor yang menyebabkan masalah rasuah ini terjadi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dapatan kajian telah dibincangkan dengan teliti di dalam laporan ini. Antara faktor am masalah rasuah ini terjadi disebabkan kelemahan kepimpinan suatu individu yang bersikap pentingkan diri sendiri dan materialistik. Tambahan

\*Corresponding author: [cn220332@siswa.uthm.my](mailto:cn220332@siswa.uthm.my)

pula, penguatkuasaan undang-undang dalam negara yang lemah dan juga kurang didikan agama dan moral dalam peribadi suatu individu. Konklusinya, daripada kajian ini kami dapat mengkaji kesan rasuah terhadap negara mahupun ekonomi negara. Oleh yang demikian, masyarakat hendaklah prihatin dan bekerjasama dalam menangani masalah ini bagi melahirkan generasi masyarakat yang bebas rasuah. Masalah ini perlu diambil serius oleh semua pihak untuk mengatasi masalah rasuah ini sering terjadi dari semasa ke semasa. Masyarakat yang mengamalkan rasuah akan memberikan impak yang negatif kepada negara.

**Kata Kunci:** Rasuah, Kesan, Pembangunan, Malaysia

## 1. Pengenalan

Malaysia kini berdepan dengan krisis integriti yang berpunca daripada amalan rasuah yang berleluasa. Amalan rasuah bukan hanya terbatas kepada rakyat biasa, tetapi turut menular di kalangan masyarakat di Malaysia. Gejala rasuah yang kian giat berleluasa dalam negara menjadi permasalahan utama di negara kita pada masa kini. Kesan dari penularan amalan rasuah kepada sesebuah negara adalah merugikan, dimana ia boleh mencemarkan imej organisasi dan negara di mata masyarakat dunia, ia juga dapat mencemarkan kestabilan ekonomi negara. Walau bagaimanapun Malaysia telah mempunyai undang-undang yang tegas iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997 dalam usaha menanganinya. Begitu juga dari segi penguatkuasaan melalui Badan Pencegah Rasuah atau BPR. Menurut undang-undang Malaysia yang terkandung dalam Seksyen 3(a), (b) dan 4(a)(b), Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Pindaan 1971) telah mentafsirkan rasuah ialah “menerima atau memberi apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau galakkan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan atau untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada hubungan dengan prinsipalnya”. Justeru, untuk melangkah ke masa depan yang lebih cemerlang, negara kita seharusnya bijak mengurus kejayaan, mempunyai masyarakat beretika dan kakitangan yang amanah serta berintegriti tinggi. Selain itu, kakitangan dalam sesebuah organisasi perlu mempunyai prinsip lebih tegas, kuat dan amanah dalam mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangan diri serta menjaga nama baik organisasi. Cabaran terbesar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks pekerjaan atau perkhidmatan, integriti merangkumi sifat-sifat menyeluruh seseorang individu atau sesebuah organisasi berdasarkan nilai-nilai murni sejagat termasuk aspek akauntabiliti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika serta para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh berteraskan budi pekerti yang luhur. Oleh itu, ketua organisasi hendaklah mengambil langkah yang inisiatif terhadap jenayah rasuah yang berlaku dalam negara seperti mana yang ditekankan di dalam kod, standard, pelan dan inisiatif yang telah dikeluarkan kerajaan dan juga badan antarabangsa, termasuklah Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP), Kod dan Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) dan Sistem Pengurusan Anti-rasuah menurut standard antarabangsa ISO 37001.

Pada hari ini, jenayah rasuah di Malaysia sering kali menjadi topik hangat yang sering dipaparkan di dada akhbar mahupun di kaca televisyen. Beberapa permasalahan dalam negara yang patut dititikberatkan kerana ia dapat mencalarkan nama baik organisasi dan negara. Nilai integriti yang kian pudar di dalam diri setiap masyarakat menjadi punca utama berlakunya jenayah rasuah. Kejujuran dan amanah merupakan nilai penting yang seharusnya ditanam di dalam diri seseorang yang bergelar warganegara Malaysia. Hal ini bagi memastikan negara kita bebas dari segala masalah yang berkaitan dengan isu rasuah. Sekiranya jenayah rasuah sering kali terjadi di kalangan masyarakat di Malaysia, maka jenayah yang lain juga akan berleluasa di negara ini. Hal ini kerana mereka yang melakukan kesalahan sering kali bebas tanpa dikenakan hukuman dengan cara memberi sogokan kepada orang yang mempunyai kuasa seperti polis. Oleh hal yang demikian, nilai integriti sepatutnya diterapkan kepada semua warganegara mahupun bukan warganegara di Malaysia agar jenayah rasuah tidak terjadi

di dalam kalangan mereka. Hal ini juga akan memberi contoh yang negatif kepada rakyat yang lain akan perilaku yang tidak baik tersebut. Masalah ini akan bermaharajalela sekiranya tiada apa-apa langkah proaktif yang dilakukan untuk membendung jenayah rasuah ini. Setiap individu bertanggungjawab untuk membanteras jenayah rasuah di kalangan rakyat di Malaysia.

## **2. Metodologi**

Metodologi kajian merangkumi cara, kaedah, dan pendekatan yang digunakan dalam mencapai tujuan dan objektif kajian. Dalam mencapai objektif ini, terdapat dua kaedah telah digunakan iaitu melalui kaedah soal selidik dan juga kaedah pustaka.

### **2.1 Kaedah Soal Selidik**

Kaedah soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan pandangan masyarakat awam dalam mengenal pasti punca dan faktor yang menyebabkan berlakunya rasuah dalam Negara Malaysia yang kini semakin berleluasa. Borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar UTHM Pagoh dan juga masyarakat awam bagi mendapatkan pendapat yang lebih jelas terhadap pengetahuan dan pemahaman mereka mengenai rasuah dalam Negara Malaysia. Borang soal selidik ini dilakukan dalam bentuk google form.

### **2.2 Kaedah Pustaka**


Kaedah pustaka seperti sedutan berita, pembacaan artikel dan mengambil isi dari perbincangan ilmiah juga merupakan satu kaedah yang telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca berlakunya kes rasuah dalam negara Malaysia. Pencarian sumber internet, buku, akhbar, dan artikel yang berkaitan dengan buli siber menjadikan maklumat yang dikaji dapat dikumpulkan dan diakses dengan lebih terperinci. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu kami dalam mengumpulkan data maklumat yang dikehendaki demi mencapai objektif kajian.

## **3. Dapatan Kajian**

Bahagian ini menerangkan keputusan kajian data berdasarkan soal selidik daripada rakyat Malaysia berkenaan isu tentang Rasuah Dalam Negara Malaysia. Terdapat 2 bahagian di dalam soal selidik yang dijalankan ini iaitu bahagian A melibatkan demografi responden, bahagian B melibatkan pengetahuan umum berkaitan masalah Rasuah di Malaysia iaitu definisi rasuah, bagaimana rasuah berlaku, faktor berlakunya masalah rasuah, kesan rasuah terhadap negara dan akhir sekali langkah untuk mengatasi masalah rasuah ini agar tidak menjadi lebih kritikal pada masa akan datang.


### 3.1 Demografi Responden

Berikut merupakan demografi responden seramai 35 orang mengambil bahagian di dalam soal selidik yang di jalankan menerusi pautan *Google Form*.




**Rajah 1: Jantina Responden**

Berdasarkan rajah 1 di atas, seramai 20 orang responden adalah daripada kalangan lelaki yang melibatkan peratusan sebanyak 57.1% dan seramai 15 orang responden adalah daripada kalangan perempuan yang melibatkan peratusan sebanyak 42.9%.



**Rajah 2: Umur**

Berdasarkan rajah 2 di atas, terdapat seramai 13 orang responden adalah daripada julat umur 17- 20 tahun yang melibatkan peratusan sebanyak 37.1% dan seramai 13 orang responden pula adalah daripada julat umur 21-24 tahun yang melibatkan peratusan sebanyak 37.1%. Akhir sekali, seramai 9 orang responden adalah daripada julat umur 25 tahun dan ke atas dengan peratusan sebanyak 25.7%.



**Rajah 3: Umur**

Berdasarkan rajah 3 di atas, terdapat seramai 9 orang responden adalah daripada kaum Melayu yang melibatkan peratusan sebanyak 25.7% , manakala seramai 10 orang responden daripada kaum Cina dengan peratusan 28.6% , manakala seramai 6 orang responden daripada kaum India dengan peratusan 17.1% , manakala seramai 6 orang responden daripada kaum bumiputera Sabah/Sarawak dengan peratusan 17.1% , manakala seramai 4 orang dari lain – lain kaum dengan peratusan 11.4%.

### 3.2 Pengetahuan Am Berkaitan Masalah Rasuah dalam Negara

**Jadual 1: Definisi Rasuah**

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
rasuah merupakan perbuatan memberi atau menerima sesuatu suapan berbentuk wang tunai atau barangan berharga sebagai upah bagi melakukan sesuatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu.	29	6	82.9	17.1
Rasuah adalah tindakan tidak jujur atau penipuan oleh mereka yang berkuasa. Rasuah menawarkan, memberi atau menerima apa-apa yang bernilai dengan tujuan untuk mendorong seseorang untuk bertindak atau memberi penghargaan kepada seseorang kerana telah bertindak	28	7	80	20

Berdasarkan jadual 1, lebih dari 80% pelajar bersetuju bahawa rasuah merupakan perbuatan menerima, memberi dan menawarkan sesuatu yang berharga sama ada berupa wang tunai mahupun barangan berharga untuk kebaikan sendiri. Selebihnya tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

### 3.3 Faktor masalah Rasuah dalam Negara

**Jadual 2: Faktor Masalah Rasuah dalam Negara**

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kelemahan kepimpinan suatu individu yang bersikap pentingkan diri sendiri dan materialistik.	27	8	77.1	22.9
Penguatkuasaan undang-undang yang lemah dalam negara.	27	8	77.1	22.9
Kurang didikan agama dan moral dalam peribadi suatu individu.	25	10	71.4	28.6

Sebanyak 27 orang pelajar (77.1%) bersetuju kepimpinan individu yang pentingkan diri sendiri dan materialistik. 27 orang pelajar (77.1%) bersetuju penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan 25 orang pelajar (28.6%) bersetuju kurang didikan agama mahupun moral dalam peribadi suatu individu merupakan antara salah satu faktor berlakunya masalah rasuah dalam negara.

### 3.4 Kesan masalah Rasuah dalam Negara

**Jadual 3: Kesan Masalah Rasuah dalam Negara**

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Ekonomi negara tidak akan stabil.	30	5	85.7	14.3
Kepercayaan terhadap suatu pemimpin yang mengamalkan rasuah berkurang	28	7	80	20

30 orang pelajar (85.7%) pelajar percaya bahawa ekonomi negara tidak akan stabil manakala 28 orang pelajar (80%) percaya bahawa kepercayaan terhadap seseorang pemimpin ataupun masyarakat akan berkurang apabila mereka membiasakan diri dalam masalah rasuah

#### **Jawapan responden mengenai kesan buruk rasuah kepada suatu organisasi dalam negara**

Adakah masalah rasuah akan memberi kesan kepada kepimpinan suatu organisasi dalam negara ?  
Nyatakan pendapat anda

4. Ya, rasuah terdapat dalam banyak bentuk. contohnya dalam pilihan raya, wakil wakil rakyat menggunakan wang untuk menarik perhatian rakyat untuk mengundi mereka
4. Ya, rasuah akan mengakibatkan kerugian kepada suatu pihak
4. ya, kerana ramai akan tidak mempercayai suatu pemimpin jika mereka melakukan kesalahan yang boleh dielakkan
4. Tidak semestinya, kerana ada sesebuah negara yang mengamalkan rasuah demi kebaikan negara mereka sendiri, jadi walaupun negara itu mengamalkan rasuah, ekonomi mereka tetap meningkat

Daripada jawapan diatas, sudah terang lagi bersuluh bahawa rasuah memberi impak yang sangat negatif terhadap suatu organisasi dalam negara. Rata – rata responden bersetuju bahawa rasuah memberi kesan negatif kepada negara. Tetapi terdapat juga responden yang tidak bersetuju kerana berpendapat bahawa terdapat negara yang mengamalkan rasuah demi kebaikan negara mereka sendiri dan beranggapan bahawa rasuah tidak 100% negatif.

### 3.6 Langkah Mengatasi Masalah Rasuah dalam Negara

**Jadual 4: Langkah mengatasi Masalah Rasuah dalam Negara**

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Tidak menyokong organisasi yang mengamalkan rasuah dalam kepimpinan mereka.	31	4	88.6	11.4
Meletakkan silibus pembelajaran di institusi pengajian berkaitan masalah rasuah dalam negara.	27	8	77.1	22.9
Mengenakan tindakan tatatertib yang amat berat kepada individu yang melakukan rasuah	29	6	82.9	17.1

31 orang pelajar (88.6%) berpendapat bahawa cara terbaik untuk mengatasi masalah rasuah dalam negara ialah dengan tidak menyokong organisasi yang mengamalkan rasuah. Seterusnya, 27 orang pelajar (77.1%) setuju untuk mengenakan tindakan tatatertib yang amat berat kepada sesiapa yang melakukan rasuah. Akhir sekali, 29 orang pelajar (82.9%) setuju meletakkan silibus pembelajaran tentang rasuah di peringkat pengajian.

## 4. Kesimpulan

Penemuan hasil kajian ini juga perlu diberi perhatian sewajarnya di mana ia bukan sahaja memberi refleksi mengenai tahap kefahaman dan persepsi generasi muda mengenai rasuah tetapi memperlihatkan kerangka nilai dan tadbir urus yang perlu dicorakkan semula bagi mendepani dan merealisasikan Transformasi Nasional 2050. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil oleh kerajaan dalam membasmi isu rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia dan meningkatkan tahap kesedaran rakyat supaya tidak terjebak dengan rasuah dan seterusnya akan membinasakan hidup individu yang terlibat.

## Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada penysyarah yang telah membantu kami dalam menghasilkan penulisan ini dan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

## Rujukan

- [1] Ahmad Nasyran Azrae, Haji Hairuddin Megat Latif dan Khadijah Mohamed. (2018). *"PENGLIBATAN RASUAH DI KALANGAN AGENSI PENGUATKUASAAN KERAJAAN: SATU ANALISIS"*
- [2] Ahmad Syamil, A. B. (2019). Integriti dalam kalangan pekerja awam: kajian kes Agensi Keselamatan Sempadan (AKSEM) Chuping, Perlis. (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- [3] Akhbar Satar. (2016). Rasuah, jenayah dan Malaysia. Akhbar & Associates.
- [4] Bakar, S. (2011). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Membanteras Jenayah Rasuah Di Kalangan Pegawai Tentera Darat. Universiti Utara Malaysia.
- [5] Barah rasuah: Bersama selamatkan Malaysia! (2022, January 31). Harian Metro. Retrieved

May 30, 2022, from:<https://www.hmetro.com.my/rencana/2022/02/805924/barah-rasuah-bersama-selamatkan-malaysia>

- [6] Fariza Romli & Harlida Abdul Wahab. (2019). ISU-ISU PERUNDANGAN DALAM PROSEDUR TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM. SOIS CONFERENCE ON ARTS AND HUMANITIES (SICAH), REMARKS BY ASSISTANCE VICE CHANCELLOR VI COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUMCOLGIS) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 22.
- [7] Hadijah Johari & Ehsan Muhamad Nasir. (2022). Amalan Etika Dan Isu Perundangan Dalam Kalangan Pegawai Bomba Di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(1), 1-8.
- [8] Hassan & Nazirah. (2021). RASUAH DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI ASIA TENGGARA: SATU TINJAUAN SKOP. *e-BANGI*, 18(8), 196-212.
- [9] Hukuman terhadap pesalah laku rasuah perlu dilihat semula - Akhbar Satar. (2021, September 7). *Astro Awani*. Retrieved May 30, 2022, from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hukuman-terhadap-pesalah-laku-rasuah-perlu-dilihat-semula-akhbar-satar-318498>
- [10] Kamarudin Musa, Norizan Saad & Mohd Asri Mohd Nor. (2018) *Tingkah Laku Integriti Dalam Pemantapan Pengurusan Sektor Perkhidmatan Awam*.
- [11] Karangan Punca dan Langkah-langkah Untuk Membanteras Amalan Rasuah. (2021, December 1). 1001 Contoh. Retrieved May 30, 2022, from [https://1001contoh.com/karangan-punca-dan-langkah-langkah-untuk-membanteras-amalan-rasua\\_h/](https://1001contoh.com/karangan-punca-dan-langkah-langkah-untuk-membanteras-amalan-rasua_h/)
- [12] Kes rasuah skala besar meningkat ketika pandemik - SPRM. (2021, April 10). *Berita Harian*. Retrieved May 30, 2022, from: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/805662/kes-rasuah-skala-besar-meningkat-ketika-pandemik-sprm>
- [13] *LAPORAN BERITA TEMPATAN* International Journal of Law, Government and Communication, 3(13), 218-235.
- [14] Malaysia semakin rosak akibat rasuah berskala besar. (2022, April 9). *SINAR HARIAN*. Retrieved May 30, 2022, from: <https://www.sinarharian.com.my/article/197069/BERITA/Nasional/Malaysia-sema-kin-rosak-akibat-rasuah-berskala-besar>
- [15] Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia*, 12(9).
- [16] Mohanad Fauzi Husin. (2020). *Jenayah rasuah di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [17] *Penghayatan Etika dan Peradaban* (UUM Press). (2021). UUM Press.
- [18] Rasuah di Malaysia. (n.d.). Wikipedia. Retrieved May 30, 2022, from [https://ms.wikipedia.org/wiki/Rasuah\\_di\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Rasuah_di_Malaysia)
- [19] Rasuah: Tiga impak ketara ekonomi negara. (2021, January 23). *SINAR HARIAN*. Retrieved May 30, 2022, from: <https://www.sinarharian.com.my/article/120469/BERITA/Nasional/Rasuah-Tiga->



impak-ketara-ekonomi-negara

- [20] Sarah Dina Mohd Adnan & Mohd Adib Ismail. (2013). Impak rasuah kepada pertumbuhan ekonomi. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII, JILID 1, 246 - 25
- [21] Siti Normala Hamzah, Mohamed Saleeh Rahamad & Md Azalanshah Md Syed (2020). Rasuah dan Salah Guna Kuasa: Protes Sosial Rahim Razali dalam Matinya Seorang Patriot
- [22] Seleweng RM25 juta: Penguasa SPRM dipenjara 3 tahun, 2 sebatan. (2022, February 17). Malaysiakini. Retrieved May 30, 2022, from <https://www.malaysiakini.com/news/611179>
- [23] TIAM, S. T. (2011). Etika birokrasi dalam memerangi jenayah rasuah: kajian terhadap perkhidmatan polis di Malaysia. Universiti Utara Malaysia.